

Penyelesaian masalah Malaysia Airlines masih dicari

Tidak ada pelabur Malaysia cukup mantap untuk ambil alih: PM

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan masih mencari penyelesaian kepada masalah yang dihadapi Malaysia Airlines Berhad, kata Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

“Ia bukan mudah... kami sudah berbuat banyak perkara. Kerajaan terdahulu memberikan mereka RM6 bilion dan memecat 6,000

orang dan selain itu, mengurangkan jumlah penerbangan.

“Jadi, jika anda kurangkan tenaga kerja dan jumlah penerbangan, nisbah antara tenaga kerja dan aktiviti tidak berubah,” katanya dalam temu bual dengan stesen radio BFM di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, ada laporan bahawa beberapa syarikat mungkin mengambil alih kepentingan dalam Malaysia Airlines, yang majoritinya dimiliki Khazanah Nasional Berhad.

Bagaimanapun, katanya, terdapat pihak yang bersikap amat sentimental dan mahu melihat syarikat itu dimiliki sepenuhnya oleh Malaysia.

“Tetapi, tidak ada pelabur Ma-

aysia yang cukup mantap untuk mengambilalihnya,” katanya.

Ditanya tarikh akhir untuk kerajaan membuat keputusan berhubung Malaysia Airlines dan sekiranya ia akan mengguna pakai strategi PROTON Holdings Bhd yang menjual kepentingan kepada syarikat China, Zhejiang Gely Holding Group, Dr Mahathir mengulangi bahawa ia bukan mudah.

“Seperti yang anda tahu, Malaysia Airlines menjalani banyak perubahan, termasuk perubahan dalam pengurusan dan memecat 6,000 pekerja... namun kerugian kekal tinggi,” katanya.

Perdana Menteri berkata, apabila syarikat penerbangan kebangsaan itu ditubuhkan, tiada

syarikat penerbangan tambang rendah seperti sekarang.

“Ini menjejaskan bukan sahaja Malaysia Airlines, tetapi juga banyak syarikat penerbangan lain,” katanya.

Sementara itu, pada hujung minggu lalu, sebuah akhbar perniagaan harian melaporkan Japan Airlines mungkin mengambil alih kepentingan dalam Malaysia Airlines.

Dalam temu bual semalam, Dr Mahathir juga berkata, kerajaan sedang mengkaji untuk menjual hartanah tidak penting di dalam dan luar negara, satu langkah untuk membayar hutang yang Pakatan Harapan (PH) warisi daripada kerajaan terdahulu.

“Kami perlu cari harga yang

baik. Kami ada hartanah di Hong Kong, Singapura dan negara lain, bukan sahaja di tanah air,” katanya.

Mengenai isu Dr Zakir Naik, Dr Mahathir berkata, Perdana Menteri India, Narendra Modi, tidak membuat permohonan kepada Malaysia supaya menghantar pulang pendakwah kontroversi itu.

Perdana Menteri berkata, rakan sejawatnya itu tidak pernah memohon Dr Zakir diekstradisi pulang ke negara asalnya ketika pertemuan dalam forum ekonomi di Russia awal bulan ini.

“Tidak banyak negara yang mahu dia (Dr Zakir). Saya berjumpa dengan Modi dan beliau tidak pula minta pendakwah itu dihantar pulang,” katanya.